



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1984

KEMUDAHAN MENUNTUT ELAUN PERJALANAN KENDERAAN BAGI PEGAWAI YANG MENGGUNAKAN KENDERAAN YANG BUKAN KEPUNYAAN SENDIRI SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI

Tujuan

Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk menurunkan kuasa kepada Ketua Jabatan yang bererti Pegawai Pengawal Kementerian/Jabatan untuk mempertimbangkan permohonan daripada pegawai-pegawai di Kementerian/Jabatan masing-masing yang menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan mengikut kadar kelayakan masing-masing seperti yang diperbekalkan di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980](#) dan juga Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1980 yang berkuatkuasa sekarang apabila menggunakan kenderaan selain daripada kepunyaan sendiri semasa menjalankan tugas rasmi.

Kriteria untuk Dijadikan Pertimbangan

2. Ketua Jabatan apabila menimbangkan permohonan untuk menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan daripada pegawainya yang menggunakan kenderaan selain daripada kepunyaannya sendiri semasa menjalankan tugas-tugas rasminya hendaklah menggunakan panduan-panduan yang berikut:

- (i) kenderaan Jabatan tidak dapat diadakan bagi kegunaan pegawai;
- (ii) Pegawai hendaklah mengesahkan kenderaan yang dipinjam itu berada di dalam keadaan yang baik dan selamat sebelum dan semasa digunakan bagi tujuan-tujuan rasmi oleh pegawai yang berkenaan;
- (iii) tuan punya kenderaan tersebut tidak ada menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan ke atas kenderaan yang sama di sepanjang tempoh tuntutan dibuat oleh pegawai. Sekiranya tuan punya kenderaan juga ada menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan dengan menggunakan kenderaan yang sama, maka tuntutan pegawai yang meminjam kenderaan itu hendaklah dikira selepas tuntutan tuan punya kenderaan itu dan kadarnya hendaklah mengikut kumpulan ratusan kilometer yang berikutnya;
- (iv) sekiranya ayat kedua di (iii) di atas berkenaan, kenyataan tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan tuan punya kenderaan itu hendaklah diperolehi dan disematkan bersama tuntutan pegawai yang meminjam kenderaan tersebut; dan
- (v) setiap permohonan adalah disokong oleh Ketua Bahagian atau Unit di mana pegawai itu ditempatkan.

Tanggungjawab Ketua Jabatan


3. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan yang kriteria seperti yang disenaraikan di para (2) di atas dipatuhi dengan sepenuhnya sebelum sesuatu kelulusan diberi. Adalah diingatkan bahawa Kerajaan adalah tidak bertanggungjawab walau dalam apa bentuk pun sekiranya berlaku apa-apa kerosakan atau kemalangan kepada kenderaan yang berkenaan itu.

Tarikh Kuatkuasa

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'ISKANDAR BIN ASTAR', is written over a horizontal line. The signature is stylized with a large, sweeping loop at the top.

(ISKANDAR BIN ASTAR)
*Bahagian Gaji dan Elaun,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

15hb Jun 1984.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

s.k.

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun
Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan
Pegawai Perjawatan Persekutuan Sarawak
Pegawai Perjawatan Persekutuan Sabah
Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah